

**PERSEPSI PELAJAR TERHADAP PROGRAM MEMBUDAYAKAN
AL-QURAN DALAM MENINGKATKAN TAHAP KEUPAYAAN
PEMBACAAN AL-QURAN MENGIKUT HUKUM TAJWID.
SATU KAJIAN DI SMK DATO BENTARA LUAR**

Mohd Abbas Bin Abdul Latiff & Farihatun Nadia Binti Yaacob
Fakulti Pendidikan,
Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak: Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti kepentingan Program Membudayakan al-Quran serta faktor-faktor yang mempengaruhi keupayaan pembacaan al-Quran mengikut hukum tajwid. Antara faktor-faktornya ialah faktor ibu bapa, faktor guru, faktor rakan sebaya, faktor diri sendiri dan faktor Bahan Bantu Mengajar (BBM). Sampel kajian ini melibatkan 99 orang pelajar tingkatan 4 di Sekolah Menengah Kebangsaan Dato Bentara Luar sebagai responden, 45 orang daripadanya adalah pelajar lelaki dan 54 orang pelajar perempuan. Kajian ini berbentuk deskriptif dengan menggunakan soal selidik mengikut skala likert 5 point. Penyelidik telah menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Satu set soal selidik yang mengandungi 30 item telah diedarkan kepada responden. Manakala data yang diperolehi telah dianalisis dengan menggunakan perisian “Statistical Packages For Social Sciences” (SPSS) versi 14.0. Hasil kajian rintis yang telah dilakukan menunjukkan nilai-Cronbach’s Alpha 0.832. Hasil dari penganalisaan data ini diterangkan dalam bentuk kekerapan, peratusan dan min mengikut jumlah responden. Berdasarkan kepada dapatan yang diperolehi, tahap keupayaan pembacaan al-Quran mengikut hukum tajwid di kalangan pelajar-pelajar yang terlibat adalah sederhana iaitu 73.76%. Di akhir kajian, beberapa cadangan telah dikemukakan agar ianya dapat dijadikan panduan untuk mempertingkatkan lagi kualiti Program Membudayakan al-Quran oleh Jabatan Agama Johor (JAJ).

Abstract: The objective of this research is to identify the benefit of Program Membudayakan al-Quran and the factors that could influence students in mastering al-Quran with ‘tajwid’. The factors include parents, teachers, peers, individual and Teaching Materials. The research sample is consisting by 99 students in Form 4 from Sekolah Menengah Kebangsaan Dato Bentara Luar as respondents, whereby there are 451 boys and 54 girls. This is the descriptive research by using suitable research questionnaires based on 5 point Likert Scale. A questionnaire as a part of instrument for this study. A set of questionnaire comprising 30 questions were distributed to the respondents. Meanwhile, the data were further analyzed using the “Statistical Packages For Social Sciences” (SPSS) versions 14.0. Pilot study showed that Cronbach’s Alpha 0.832. The result from the analysis will be presented statistically in frequencies, percentage and mean based on the total of respondents. The percentage for student’s ability in al-Quran literacy is in moderate level by 73.76%. At the end of this research, a few suggestions have been proposed to increase the literacy quality in Program Membudayakan al-Quran by Johor Islamic Department (JAJ).

Katakunci: Program Membudayakan al-Quran, Jabatan Agama Johor (JAJ)

Pengenalan

Al-Quran adalah Kalamullah wahyu terakhir yang diturunkan oleh Allah S.W.T. kepada Nabi akhir zaman yang sekaligus juga sebagai penutup agama Samawi berikutan ajaran-ajarannya, Ia membenarkan ajaran kitab sebelumnya, dan juga menyempurnakan hukum-hukum Allah pada kitab sebelumnya sehingga terbentuk suatu ajaran yang universal dari pelbagai aspek sama ada dari sudut material, spiritual, jasmaniah, rohaniah, dunia dan jua akhirat. (Drs. Hanafi Mohamed, 1996: 4).

Al-Quran juga merupakan wahyu Allah yang diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. untuk menjadi pedoman dan pegangan hidup seluruh umat manusia. Malah al-Quran juga merupakan kitab suci dari Allah yang mengandungi peraturan yang amat lengkap dan sempurna dalam mengatur segala aspek kehidupan manusia yang wajib diimani dan diyakini untuk mencapai kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat.

Pernyataan Masalah

Sekolah Menengah Kebangsaan Dato Bentara Luar, merupakan salah sebuah sekolah di Johor yang melaksanakan Program Membudayakan al-Quran. Sekolah ini mempunyai dua sesi persekolahan iaitu sesi pagi dan petang dan mempunyai jadual yang tetap dalam melaksanakan program ini. Semua pelajar diwajibkan untuk mengikuti program ini. Pelaksanaan Program Membudayakan al-Quran di sekolah sekurang-kurangnya dapat mengurangkan masalah “buta al-Quran” yang melanda di kalangan pelajar-pelajar Islam.

Walaupun Program Membudayakan al-Quran telah dilaksanakan di sekolah-sekolah negeri Johor Darul Takzim selama 10 tahun namun masih terdapat pelajar yang tidak tahu membaca al-Quran walaupun telah berada di sekolah menengah. Ini amat membimbangkan kerana merekalah yang akan menjadi pemimpin masa akan datang.

Oleh itu, melalui latar belakang masalah di atas, maka penyelidik ingin mengenal pasti apakah persepsi pelajar yang telah melaksanakan program ini terhadap PMQ? Selain itu, aspek yang ingin dikaji oleh penyelidik juga ialah merangkumi kepentingan PMQ dalam meningkatkan tahap keupayaan pembacaan al-Quran mengikut hukum tajwid. Adakah PMQ dapat membantu para pelajar secara langsung dalam pembacaan al-Quran secara bertajwid? Inilah yang menjadi tanda tanya kepada penyelidik.

Perlu juga dikaji aspek faktor-faktor yang mempengaruhi keupayaan pembacaan al-Quran mengikut hukum tajwid. Antara faktor yang mempengaruhi ialah faktor ibu bapa, guru, sikap dan minat diri sendiri, rakan sebaya dan penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P). Penyelidik ingin mengenal pasti apakah faktor yang paling mempengaruhi pelajar dalam pembacaan al-Quran mengikut hukum tajwid.?

Objektif Kajian

Objektif kajian ini ialah untuk:

1. Mengetahui persepsi pelajar terhadap Program Membudayakan al-Quran.
2. Mengetahui kepentingan Program Membudayakan al-Quran dalam meningkatkan tahap keupayaan pembacaan al-Quran mengikut hukum tajwid.
3. Mengetahui faktor-faktor yang mempengaruhi keupayaan pembacaan al-Quran mengikut hukum tajwid.

Kepentingan Kajian

Penyelidik berharap melalui kajian yang dijalankan ini, ia dapat memberi satu gambaran tentang persepsi pelajar SMKDBL terhadap Program Membudayakan al-Quran. Oleh itu, ia diharap dapat membantu pihak tertentu untuk mengambil langkah bagi mempertingkatkan lagi kemahiran bacaan al-Quran secara bertajwid dalam kalangan pelajar Islam. Kajian yang dijalankan ini mempunyai beberapa kepentingan. Antaranya ialah:

1. Hasil kajian ini dapat memberi gambaran terhadap tahap keupayaan pembacaan al-Quran mengikut hukum tajwid dalam kalangan pelajar SMKDBL.
2. Dapatan kajian ini dapat membantu Jabatan Agama Johor mengenal pasti kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam Program Membudayakan al-Quran dalam usaha meningkatkan tahap keupayaan pembacaan al-Quran mengikut hukum tajwid di kalangan pelajar.
3. Dapatan kajian ini juga dapat memberi gambaran kepada Kementerian Pelajaran Malaysia untuk merancang dan merangka strategi yang lebih berkesan bagi mengatasi masalah buta al-Quran di kalangan pelajar Islam.
4. Dapatan kajian ini dapat membantu pihak sekolah untuk menyediakan program-program yang dapat meningkatkan minat pelajar terhadap pembacaan al-Quran.
5. Dapatan kajian ini dapat membantu guru-guru memperbaiki kaedah pengajaran dan pembelajaran untuk menarik minat pelajar semasa pembelajaran al-Quran.
6. Dapatan kajian ini dapat membantu ibu bapa bagi merancang langkah-langkah yang perlu untuk membantu mempertingkatkan lagi tahap kemahiran bacaan al-Quran bertajwid di kalangan anak-anak.

Batasan dan Skop Kajian

Kajian ini dijalankan di Sekolah Menengah Kebangsaan Dato Bentara Luar, Batu Pahat, Johor yang melibatkan pelajar-pelajar Islam tingkatan 4 seramai 99 orang responden yang telah dipilih secara rawak daripada jumlah keseluruhan pelajar Islam tingkatan empat adalah seramai 241 orang.

Skop kajian ini menumpukan kepada tiga aspek iaitu tahap pengetahuan pelajar terhadap terhadap PMQ, kepentingan PMQ dalam meningkatkan tahap keupayaan pembacaan al-Quran mengikut hukum tajwid dan faktor-faktor yang mempengaruhi keupayaan pembacaan al-Quran mengikut hukum tajwid. Faktor-faktornya ialah Ibu bapa, sikap dan minat diri sendiri, guru, rakan sebaya, dan penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) dalam Pengajaran dan Pembelajaran.

Metodologi

Populasi dan Sampel Kajian

Menurut Mohd. Majid Konting (2004:58), populasi merujuk kepada satu set ciri yang menunjukkan cerapan atau ukuran yang tertentu ke atas sekumpulan individu atau objek. Menurut Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999:37) pula, populasi merupakan semua ahli dalam kelompok. Oleh yang demikian, perwakilan yang menyeluruh diperlukan supaya gambaran sebenar populasi dapat diperolehi.

Dalam kajian ini, populasi kajian melibatkan semua pelajar Islam tingkatan 4 di SMK Dato Bentara Luar (SMKDBL). Mereka adalah antara pelajar yang diwajibkan sepenuhnya untuk mengikuti Program Membudayakan al-Quran yang diadakan di sekolah berjumlah 241 orang. Rasional pemilihan responden dari kalangan pelajar tingkatan 4 kerana mereka tidak terlibat dalam peperiksaan penting sebagaimana pelajar tingkatan 3 dan 5. Oleh kerana jumlah populasi yang sangat besar, penyelidik hanya mengambil 99 orang sahaja sebagai responden. Untuk mendapatkan sampel di dalam kajian ini, penyelidik menggunakan kaedah persampelan secara rawak mudah.

Pemilihan 99 orang responden daripada keseluruhan pelajar Islam tingkatan 4 SMKDBL berjumlah 241 orang menunjukkan peratusan sebanyak 41.07%. Menurut Mohd Najib Abdul Ghafar (1999:38), jumlah 30% sampel sudah mencukupi. Oleh yang demikian, penyelidik berpendapat jumlah 41.07% sampel mampu mewakili populasi.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian merupakan alat untuk mendapatkan data dari sampel kajian. Menurut Mohd Najib Abdul Ghafar (1999:40), instrumen kajian juga menentukan jenis data yang diperolehi dan ini mempengaruhi jenis analisis penyelidik. Semasa melaksanakan kajian ini, terdapat dua jenis data diperlukan iaitu data primer dan data sekunder.

Pengumpulan Data Primer

1. Borang Soal Selidik

Pengumpulan Data Primer yang digunakan oleh penyelidik adalah menggunakan kaedah soal selidik. Menurut Mohd. Majid Konting (1994: 202), soal selidik merupakan alat ukur yang digunakan di dalam penyelidikan pendidikan untuk mendapatkan maklumat berkenaan fakta-fakta, kepercayaan, perasaan, kehendak dan sebagainya. Menurut Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999:61), penyelidik boleh menggunakan instrumen yang telah dibina oleh orang lain atau membinanya sendiri. Set soal selidik di ambil dari kajian lepas dengan diubah suai untuk menjawab persoalan kajian dalam kajian ini. Soal selidik yang telah digunakan oleh penyelidik ialah set soal selidik Ruslina Yahya (2002) yang bertajuk: “*Pelaksanaan Program Membudayakan al-Quran. Satu kajian di SMK Sultanah Engku Tun Aminah (SETA)*” untuk menjawab persoalan kajian.

Set soal selidik ini diedarkan kepada pelajar-pelajar tingkatan 4 di SMKDBL untuk mendapatkan data. Set soal selidik tersebut dibahagikan kepada 5 bahagian iaitu Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C, Bahagian D dan Bahagian E. Maklumat pada setiap bahagian adalah berdasarkan jadual 1.1:

Jadual 1.1: Maklumat setiap bahagian soal selidik

BAHAGIAN	JENIS MAKLUMAT
A	Latar belakang responden
B	Persepsi terhadap Program Membudayakan al-Quran
C	Persepsi terhadap Kepentingan Program Membudayakan al-Quran dalam meningkatkan tahap keupayaan pembacaan al-Quran mengikut hukum tajwid.
D	Persepsi terhadap Faktor-faktor yang mempengaruhi keupayaan pembacaan al-Quran mengikut hukum tajwid

2. Pengumpulan Data Sekunder

Bagi mendapatkan maklumat-maklumat tertentu, data sekunder yang relevan diperlukan bagi menyokong huraian tersebut. Data-data ini diperolehi melalui buku-buku rujukan, laporan dan penyelidikan, makalah,

dan juga tesis-tesis yang berkaitan dengan tajuk kajian. Antara tempat yang menjadi rujukan penyelidik ialah Perpustakaan Sultanah Zanariah (UTM), Pusat Sumber Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial (PPIPS) dan Perpustakaan Akademi Pengajian Islam (UM), Kuala Lumpur.

Kajian Rintis

Kajian rintis ini adalah kajian awal yang dijalankan bertujuan untuk mengetahui tahap kesahan dan kebolehpercayaan item-item soal selidik yang dibina oleh penyelidik. Sebelum melakukan kajian sebenar terhadap responden, penyelidik terlebih dahulu telah melakukan kajian rintis. Menurut Mohd. Majid Konting (2004:218), melalui kajian rintis, kesesuaian dan ketepatan soalan serta format yang digunakan dapat dikenal pasti. Kelemahan-kelemahan yang ada meskipun kecil perlu diperbaiki untuk memastikan penghasilan soal selidik yang bermutu. Melalui kajian rintis, penyelidik berpeluang untuk memperbaiki soalan yang kurang baik, membuang soalan yang tidak sesuai serta menambah soalan yang perlu. Penyelidik akan menguji kebolehpercayaan soal selidik ini terlebih dahulu dengan menggunakan Ujian *Alpha Cronbach* dalam SPSS.

Penyelidik telah menjalankan kajian rintis kepada 15 orang pelajar tingkatan 4 Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Universiti, Skudai, Johor kerana sampel ini mempunyai ciri-ciri yang sama dengan sampel yang hendak diuji. Berdasarkan kepada analisis yang dibuat, nilai *Alpha* yang diperolehi dari kajian rintis ini ialah 0.832. Menurut Mohd Najib Abdul Ghafar (1999: 100), sekiranya nilai yang diperolehi tinggi iaitu melebihi nilai 0.8, maka tahap kebolehpercayaan adalah tinggi. Manakala menurut Mohd. Majid Konting (2004:183), pekali kebolehpercayaan yang lebih daripada nilai 0.6, boleh digunakan. Ini menunjukkan soalan yang telah direkabentuk oleh penyelidik mempunyai tahap kebolehpercayaan dan kesahan yang tinggi.

Perbincangan

Maklumat Latar Belakang Responden

Responden yang terlibat dalam kajian ini merupakan pelajar SMK Dato Bentara Luar yang terdiri daripada 45 orang pelajar lelaki dan 54 orang pelajar perempuan. Jumlah responden adalah 99 orang daripada 241 pelajar menunjukkan penyelidik menggunakan 41.07% daripada jumlah keseluruhan pelajar Islam tingkatan 4.

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, didapati bahawa seramai 86.9% daripada responden pernah/masih mengikuti sekolah agama yang dianjurkan oleh kerajaan negeri Johor. Ini menunjukkan kebanyakan responden mempunyai asas dalam agama sejak dari peringkat rendah lagi. Ini kerana menurut kajian Mohamad Abdullah (2005:89) pendidikan al-Quran merupakan matapelajaran utama di dalam kurikulum Sekolah Agama Negeri Johor. Kaedah yang diterapkan dalam pembelajaran al-Quran ialah mengeja, mengajar dengan bertajwid, menulis, menghafaz ayat-ayat atau surah dalam al-Quran serta menerangkan maksud sesuatu ayat al-Quran. Oleh itu, tidak hairanlah pelajar telah mempunyai asas dalam al-Quran.

Dari segi keputusan PMR bagi subjek Pendidikan Islam, pelajar paling ramai yang mendapat gred A dalam subjek Pendidikan Islam iaitu 46.5%. Terdapat 38.4% mendapat gred B. Tidak ramai pelajar yang mendapat gred C dan D iaitu masing-masing 13.1% dan 2.0%. Ini menunjukkan kebanyakan responden mendapat keputusan yang agak tinggi iaitu seramai 84 orang bagi gred A dan gred B.

Dari segi peringkat umur responden yang dapat membaca al-Quran, menunjukkan 87.9% responden dapat membaca al-Quran seawal di peringkat sekolah rendah lagi iaitu 66.7% ketika berumur 7-10 tahun dan

21.2% ketika 6 tahun ke bawah. Ini menunjukkan kebanyakan responden telah diberi pendedahan awal mengenal al- Quran oleh ibu bapa.

Analisis yang seterusnya ialah responden mengikut tempat belajar membaca al- Quran iaitu samada di rumah, masjid dan rumah guru al-Quran. Majoriti daripada responden iaitu berjumlah 61.6% belajar di rumah guru al-Quran. Manakala 36.4% belajar di rumah sendiri dan hanya 2% sahaja yang belajar di masjid. Penyelidik berpendapat kebanyakan ibu bapa menghantar anak mereka mengaji di rumah guru al-Quran kerana mereka sibuk bekerja.

Dari segi pendidikan awal membaca al-Quran, 7.1% mula mendapat pendidikan awal membaca al-Quran daripada datuk atau nenek, 2% dari abang atau kakak, 41.4% dari guru al-Quran. Majoriti responden mendapat pendidikan awal dari ibu bapa mereka iaitu sebanyak 46.5%. Manakala 3% daripada guru sekolah. Ini menunjukkan bahawa ibu bapa dan guru memainkan peranan yang sama penting sebagai tenaga pengajar kepada anak-anak bagi memastikan mereka dapat membaca al-Quran. Ibu bapa adalah guru pertama bagi pelajar apabila menerima pendidikan awal di rumah.

Item seterusnya ialah kekerapan membaca al-Quran bersama keluarga. Kebanyakan responden iaitu 81.8% kadang-kadang sahaja membaca al-Quran bersama keluarga. Manakala 10.1% yang selalu mengamalkan membaca al-Quran bersama keluarga dan terdapat juga responden yang tidak pernah membaca al-Quran bersama keluarga iaitu 8.1%. Penyelidik berpendapat membaca al-Quran tidak dijadikan amalan seharian oleh keluarga mereka.

Berdasarkan kepada item responden yang pernah khatam al-Quran menunjukkan sebanyak 65.7% pelajar yang sudah khatam al-Quran. Manakala 34.3% pelajar yang belum khatam. Ini menunjukkan kebanyakan daripada responden boleh membaca al-Quran kerana jumlah pelajar yang sudah khatam melebihi pelajar yang belum khatam. Dari segi kelancaran membaca al-Quran menunjukkan sebahagian besar responden boleh membaca al-Quran secara sederhana lancar iaitu sebanyak 55.6%. Manakala pelajar yang boleh membaca al-Quran dengan lancar berjumlah 39.4% dan terdapat sebilangan kecil responden yang tidak lancar membaca al-Quran iaitu 5.1%. Walaupun ramai pelajar yang sudah khatam al-Quran tetapi tidak ramai yang lancar membaca al-Quran kerana tidak mahir dalam penguasaan hukum tajwid

Item terakhir adalah berkaitan dengan pengetahuan pelajar tentang pelaksanaan Program Membudayakan al-Quran yang dianjurkan oleh kerajaan negeri Johor. Sebanyak 84.8% mengetahui tentang pelaksanaan Program Membudayakan al-Quran manakala pelajar yang tidak mengetahui tentang pelaksanaan Program Membudayakan al-Quran berjumlah 15.2%. Penyelidik berpendapat pelajar yang tidak mengetahui tentang pelaksanaan Program Membudayakan al-Quran kerana tidak mengambil tahu tentang segala program yang telah dijalankan di sekolah dan kemungkinan juga tidak hadir ketika PMQ dijalankan.

Kesimpulannya, item-item tersebut amat penting untuk mengkaji kepentingan PMQ dalam meningkatkan tahap bacaan al-Quran mengikut hukum tajwid di kalangan pelajar SMK Dato Bentara Luar.

Persepsi Pelajar Terhadap Program Membudayakan al-Quran

Sebanyak 10 item telah dibina bagi mengkaji persoalan kajian yang pertama ini. Penyelidik telah membahagikan beberapa soalan bagi mengenal pasti persepsi pelajar terhadap Program Membudayakan al-Quran. Berdasarkan kepada analisis yang telah dijalankan, didapati kebanyakan responden memberikan respon yang positif terhadap Program Membudayakan al-Quran yang dijalankan di SMK Dato Bentara Luar iaitu purata min keseluruhan ialah 4.10.

Berdasarkan kepada item 1, sebanyak 88.9% berminat dengan PMQ tetapi terdapat 11.1% yang kurang berminat. Penyelidik berpendapat pelajar yang kurang berminat mungkin disebabkan latar belakang

keluarga yang tidak menitikberatkan program-program yang berunsur keagamaan kepada mereka dan juga keadaan persekitaran masyarakat di bandar. Hasil kajian ini memperkukuhkan dapatan kajian Ruslina Yahya (2002:55) iaitu 85% daripada responden bersetuju mengatakan bahawa mereka sangat berminat untuk mengikuti PMQ yang dijalankan di sekolah. Beliau juga berpendapat pelajar yang tidak berminat untuk menyertai program ini adalah disebabkan daripada budaya yang dibawa oleh keluarga mereka sendiri iaitu tidak mementingkan kepada agama dan tidak menggalakkan anak-anak mereka mengikuti program sebegini. Ini dikukuhkan lagi dengan item 4, PMQ menarik minat pelajar untuk mendalami al-Quran iaitu sebanyak 89.9% yang bersetuju. Ini menunjukkan minat dan kesedaran telah wujud dalam diri pelajar.

Item 6 menunjukkan nilai min yang tertinggi iaitu 4.57. Jadual 4.13 menunjukkan 93.9% sangat bersetuju bahawa PMQ tidak mengganggu masa belajar mereka dan hanya sebilangan kecil yang kurang setuju dengan pernyataan ini iaitu 6.1%. Ini berdasarkan kepada minat mereka terhadap PMQ yang dijalankan di sekolah dan merasakan PMQ tidak mengganggu masa belajar mereka malahan memberi banyak manfaat kepada mereka.

Item 7 menunjukkan persepsi pelajar tentang PMQ iaitu dengan adanya program ini, memudahkan mereka untuk menjawab soalan peperiksaan bagi subjek Pendidikan Islam. Terdapat 84.8% bersetuju mengatakan PMQ memudahkan mereka untuk menjawab soalan peperiksaan bagi subjek Pendidikan Islam. Min bagi item ini ialah 4.24 menunjukkan persepsi pelajar tentang PMQ adalah positif. Apabila membaca al-Quran secara beramai-ramai dan dibimbing oleh guru, maka pelajar dapat membaca al-Quran mengikut hukum tajwid yang betul seterusnya membantu mereka ketika menjawab soalan peperiksaan bagi subjek Pendidikan Islam.

Seterusnya, 80.8% bersetuju dengan item 8 iaitu dapat mendengar dan faham dengan jelas apa yang dibaca dan diterangkan oleh guru pembimbing. Ini amat penting kerana apabila pelajar dapat mendengar dengan jelas apa yang dibaca oleh guru pembimbing, pelajar dapat mengikut bacaan guru pembimbing dengan betul. Min bagi item ini ialah 4.14. Ini menunjukkan kebanyakan responden bersetuju mengatakan bahawa mendengar dan memahami segala penyampaian guru pembimbing.

Walau bagaimanapun, terdapat juga nilai min yang rendah iaitu pada item 9 berkaitan membuat catatan setiap kali mengikuti program ini dan membacanya semula selepas program. Hanya 23.2% sahaja yang membuat catatan semasa program dijalankan. Jadi berdasarkan kepada min bagi item ini iaitu 2.90 menunjukkan persepsi pelajar terhadap PMQ adalah negatif iaitu mereka tidak membuat catatan semasa program ini dijalankan. Penyelidik berpendapat bahawa pelajar menganggap PMQ hanya merupakan aktiviti untuk membaca al-Quran yang tidak memerlukan kepada catatan berbanding kelas peperiksaan yang lain.

Hasil analisis pada item 10 menunjukkan 92.9% bersetuju mengatakan masa dan tempat semasa PMQ dijalankan adalah sesuai. PMQ di SMK Dato Bentara Luar dijalankan setiap hari Jumaat bermula pukul 7.30 pagi hingga 8.10 pada sesi pagi manakala pada sesi petang dijalankan pada hari Isnin mengikut giliran minggu. Tempat dijalankan PMQ ialah di dewan sekolah pada sesi pagi dan pada sesi petang di dewan dan surau sekolah. Penyelidik berpendapat tempat dan masa juga amat mempengaruhi penumpuan pelajar. Dewan sekolah amat sesuai untuk dijadikan tempat PMQ kerana memberi keselesaan dan dapat memuatkan semua pelajar dan guru yang beragama Islam.


Persepsi Pelajar Terhadap Kepentingan Program Membudayakan al-Quran Dalam Meningkatkan Tahap Keupayaan Pembacaan Al-Quran Mengikut Hukum Tajwid.

Penyelidik telah membina 8 soalan berkenaan kepentingan Program Membudayakan al-Quran dalam usaha meningkatkan tahap keupayaan membaca al-Quran mengikut hukum tajwid di dalam borang soal

selidik yang telah diedarkan. Berdasarkan analisis yang telah dijalankan pada bahagian ini, didapati hasil dapatan menunjukkan min bagi semua item berada pada tahap yang tinggi iaitu antara nilai 3.82 hingga 4.63. Purata min bagi bahagian ini juga berada pada tahap tinggi iaitu dengan nilai 4.24. Ini menunjukkan pelajar mempunyai persepsi yang positif terhadap kepentingan Program Membudayakan al-Quran.

Pernyataan yang memperolehi nilai min tertinggi iaitu 4.63 pada item 16 'saya rasa berdosa sekiranya tidak tahu membaca al-Quran mengikut hukum tajwid yang betul'. Hampir keseluruhan pelajar bersetuju dengan pernyataan ini iaitu 95%. Ini menunjukkan pelajar mempunyai kesedaran untuk membaca al-Quran mengikut hukum tajwid. Dapatan ini memperkukuhkan lagi dapatan kajian Mohd Zainal Fitri Hassan Basri (2001:76). Berdasarkan kajian tersebut, sebanyak 83.4% merasa bersalah kerana tidak dapat membaca al-Quran dengan baik dan 16.7% berpendapat bahawa mereka tidak merasa bersalah walaupun tidak dapat membaca al-Quran dengan baik. Menurutnya, untuk memantapkan mutu bacaan al-Quran, seseorang perlu sentiasa sedar dengan kewajipan sebagai seorang Insan. Mereka sepatutnya merasa bersalah jika tidak boleh membaca al-Quran. Kajian Mohd Fadzlullah (2007:83) juga mendapati 97.2% responden bersetuju bahawa setiap orang islam wajib mempelajari hukum tajwid. Kajian ini bertepatan dengan dalil wajib mempraktikkan tajwid dalam pembacaan al-Quran .

Firman Allah S.W.T.:



Ertinya: Bacalah Al Quran itu dengan tartil (bertajwid)
(Al-Muzammil:4)

Daripada firman tersebut, menunjukkan bahawa Allah memerintahkan Nabi s.a.w. membaca al-Quran yang diturunkan kepadanya itu dengan Tartil, iaitu mengelokkan sebutan setiap huruf-hurufnya, yakni membacanya secara bertajwid.

Seterusnya item 17 juga memperolehi nilai min yang tinggi iaitu 4.58. 95.9% bersetuju dengan pernyataan 'setiap orang Islam wajib mempelajari ilmu tajwid. Menurut Khairul Anuar (2008:36), pada dasarnya mempelajari ilmu tajwid hanyalah fardhu kifayah tetapi kerana tuntutan membaca al-Quran dengan tajwid yang betul adalah fardhu ain bagi setiap pembacaan al-Quran, maka mempelajari ilmu tajwid yang pada asalnya adalah sunat telah menjadi wajib kerana tuntutan tersebut. Oleh itu, ibu bapa dan guru perlu memupuk dalam diri pelajar bahawa ilmu tajwid adalah ilmu yang wajib dipelajari bukan hanya memberi tumpuan kepada ilmu dunia sahaja.

Nilai min yang terendah ialah pada item 12 iaitu 3.82. 74.7% bersetuju mengatakan bahawa selepas mengikuti PMQ, mereka dapat membaca al-Quran dengan tajwid yang betul. Walaupun begitu, min tersebut masih di tahap yang positif. Hasil ujian pengukuhan hukum tajwid yang dijalankan dalam Jadual 4.42 menunjukkan hanya 73.76% daripada responden yang menjawab dengan betul bagi semua soalan manakala terdapat 26.24% responden yang menjawab salah. Ini membuktikan penguasaan pelajar terhadap hukum tajwid adalah di tahap sederhana. Item 13 mengukuhkan lagi pernyataan item 12 apabila 85.9% bersetuju PMQ mendorong mereka untuk mempelajari ilmu tajwid dan mamperbetulkan bacaan mereka.

Pada item 14 menunjukkan PMQ membantu meningkatkan tahap pembacaan al-Quran secara tidak langsung. Hasil daripada analisis mendapati sebanyak 90.9% bersetuju dengan pernyataan tersebut. Min bagi item ini ialah 4.27 menunjukkan pelajar memberikan reaksi yang positif. Selain itu, disebabkan lemah dalam hukum tajwid, sebanyak 87.9% berminat untuk mengikuti PMQ. Ini berdasarkan kepada

ujian pengukuhan hukum tajwid yang telah dijalankan mendapati penguasaan mereka berada pada tahap yang sederhana iaitu tidak menguasai semua hukum tajwid dengan sempurna.

Persepsi Pelajar Terhadap Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Keupayaan Pembacaan Al-Quran Mengikut Hukum Tajwid.

Objektif ketiga kajian ini adalah mengenal pasti persepsi terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi keupayaan pembacaan al-Quran mengikut hukum tajwid. Sebanyak 12 item telah dibina bagi mengenal pasti objektif kajian ini. Berdasarkan hasil analisis kajian ini, didapati 98% pelajar bersetuju menyatakan bahawa ibu bapa bertanggungjawab memupuk minat terhadap kemahiran bacaan al-Quran ke dalam diri anak-anak sejak awal lagi. Item ini memperoleh min tertinggi iaitu 4.73. Jadual 4.5 menunjukkan majoriti responden mendapat pendidikan awal dari ibu bapa mereka iaitu 46.5 %.

Pada item 21, 65.7% bersetuju mengatakan ibu bapa sentiasa menilai tahap bacaan al-Quran ketika di rumah. Ini menunjukkan tidak mencapai 100% yang bersetuju dengan pernyataan ini. Berdasarkan Jadual 4.6, hanya 10.1% sahaja yang selalu mengamalkan membaca al-Quran bersama keluarga malah ada yang langsung tidak pernah membaca al-Quran bersama keluarga iaitu 8.1%. Ini amat mengecewakan kerana budaya al-Quran tidak dijadikan amalan dalam kehidupan seharian pelajar. Ibu bapa seharusnya memainkan peranan sebagai pengajar ketika di rumah supaya pelajar mahir dalam pembacaan al-Quran. Menurut kajian Mohamad Abdullah (2005:96), ibu bapa sepatutnya turut sama membaca al-Quran bersama anak-anak. Ini akan memberikan dorongan dan galakan kepada anak-anak untuk membaca dan mempelajari al-Quran. Di samping itu, ibu bapa mengambil peluang ini untuk membetulkan kesilapan-kesilapan semasa anak mereka membaca al-Quran. Seterusnya dapat menilai prestasi bacaan anak mereka.

Faktor guru juga penting dalam mempengaruhi pembacaan al-Quran iaitu 95% bersetuju dengan pernyataan ini. Berdasarkan analisis data, 66.7% menyatakan bahawa guru memberi hadiah atau pujian kepada mereka apabila mereka dapat membaca al-Quran dengan lancar. Ini merupakan satu cara positif yang dilakukan oleh guru sebagai peneguhan dan motivasi kepada pelajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Menurut kajian Mohamad Abdullah (2005:96), guru seharusnya memberi peneguhan atau maklum balas yang cepat mengenai kemajuan latihan yang dibuat oleh pelajar. Peneguhan yang diberikan pada masa yang betul akan mendorong pelajar untuk meningkatkan prestasi pembelajaran mereka. Motivasi pula penting untuk pembelajaran yang berkesan. Guru seharusnya sentiasa menggalakkan pelajar untuk meningkatkan prestasi pembacaan mereka dari masa ke semasa demi kebaikan diri mereka khususnya dan untuk kebaikan seluruh umat umumnya.

Penggunaan kaedah dan strategi yang pelbagai oleh guru juga mempengaruhi pembacaan al-Quran pelajar mengikut hukum tajwid. Berdasarkan kepada item 28 menunjukkan 78.8% bersetuju dengan pernyataan ini dengan nilai min 4.06. Penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) Elektronik dan penggunaan radio/kaset dan tunjuk cara amat disukai oleh pelajar kerana mempengaruhi minat pelajar untuk mempelajari ilmu tajwid. Penggunaan kaedah dan strategi yang pelbagai oleh guru tidak membosankan pelajar malahan akan menimbulkan keseronokan kepada pelajar untuk mempelajari ilmu tajwid. Dapatan kajian ini mengukuhkan lagi dapatan kajian Mohd Zainal Fitri Hassan Basri (2001:69). Hasil kajian menunjukkan 63.3% menyatakan minat mempelajari al-Quran dengan menggunakan komputer.

Hasil analisis juga mendapati pelajar mempunyai persepsi yang tinggi terhadap aspek faktor diri sendiri dalam mempengaruhi pembacaan al-Quran. Dapatan menunjukkan bahawa responden bersetuju bahawa kesedaran mendalam ilmu tajwid perlu disemai ke dalam diri untuk melahirkan seorang individu yang memiliki pembacaan al-Quran yang baik dan telah mendapat nilai min yang tinggi iaitu 4.50. Oleh itu, seseorang individu itu perlu sentiasa berusaha untuk mendalam ilmu tajwid kerana ia membantu individu mahir membaca al-Quran.

Seterusnya, nilai min pada item 23 juga berada pada tahap tinggi iaitu 4.37. Item tersebut menunjukkan 87.9% bersetuju menyatakan rakan sebaya turut mempengaruhi pembacaan al-Quran melalui sikap saling bekerjasama dan bantu-membantu dalam menguasai ilmu tajwid. Dapatan kajian Mohd Zainal Fitri Hassan Basri (2001:60) juga menunjukkan faktor rakan sebaya mempengaruhi mutu pembacaan al-Quran mengikut hukum tajwid iaitu sebanyak 51.6% responden setuju dan sangat setuju mengatakan bahawa rakan-rakan mengambil berat dan membantu meningkatkan mutu bacaan al-Quran. Oleh itu, bimbingan daripada rakan sebaya juga amat penting dalam mempengaruhi keupayaan pembacaan pelajar mengikut hukum tajwid.

Rumusan

Berdasarkan hasil dapatan dan perbincangan di atas, perkara yang dapat disimpulkan pada kajian ini ialah:

Persepsi Pelajar Terhadap Program Membudayakan al-Quran

1. Secara keseluruhannya, keputusan kajian menunjukkan bahawa persoalan kajian yang pertama mendapat persepsi yang positif di kalangan responden.
2. Kebanyakan pelajar sangat berminat dengan Program Membudayakan al-Quran.
3. Walaupun PMQ diwajibkan kepada semua pelajar tingkatan 4, masih terdapat pelajar yang tidak mengikuti program tersebut.
4. Namun begitu terdapat juga pelajar yang tidak membuat catatan setiap kali mengikuti program ini dan tidak membacanya kembali selepas program.

Persepsi Pelajar Terhadap Kepentingan Program Membudayakan al-Quran Dalam Meningkatkan Tahap Keupayaan Pembacaan Al-Quran Mengikut Hukum Tajwid.

1. Program ini menunjukkan pencapaian yang positif iaitu 67.7% dapat membaca al-Quran dengan lancar selepas mengikuti PMQ.
2. 74.7% dapat membaca al-Quran dengan tajwid yang betul selepas mengikuti program ini.
3. Program ini memberikan kesedaran kepada pelajar untuk mempelajari ilmu tajwid.

Persepsi Pelajar Terhadap Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Keupayaan Pembacaan Al-Quran Mengikut Hukum Tajwid.

1. Terdapat banyak faktor yang mempengaruhi pembacaan al-Quran mengikut hukum tajwid. Antaranya ialah faktor ibu bapa, guru, rakan-rakan, individu dan penggunaan BBM yang menarik.
2. Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor utama yang mempengaruhi keupayaan pembacaan al-Quran mengikut hukum tajwid ialah faktor ibu bapa diikuti faktor guru.
3. Majoriti pelajar mengakui bahawa ibu bapa bertanggungjawab untuk memupuk minat terhadap kemahiran bacaan al-Quran ke dalam diri anak-anak sejak awal lagi.
4. Kebanyakan pelajar bersetuju bahawa guru memainkan peranan penting dalam meningkatkan kemahiran bacaan al-Quran para pelajar.

Rujukan

- Abdullah Al-Qari bin Haji Saleh (1972). "*Kursus Qari Dan Qariah.*" Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.
- Abdul Rahman bin Rokaini (1997). "*Pendidikan Tajwid Darjah Lima.*" Kuala Lumpur: Synergymate Sdn. Bhd.
- Azhari Ibrahim (1995). "*Kitab Pelajaran Tajwid.*" Kuala Lumpur: Darul Nu'man.
- Ajmain Safar (1996). "*Program Membudayakan Al-Quran Di Kalangan Mahasiswa Universiti Teknologi Malaysia.*" Universiti Teknologi Malaysia: Laporan Penyelidikan.
- Ajmain Safar (2000). "*Pelaksanaan Program Membudayakan Al-Quran Peringkat Negeri Johor.*" Universiti Teknologi Malaysia: Laporan Penyelidikan.
- Mohd Fadzlullah Bin Taifor @ Taipur. (2007) "*Persepsi Pelajar Terhadap Penggunaan Hukum Tajwid dalam Pembelajaran al-Quran di Sekolah Rendah Agama Kampong Jawa, Klang, Selangor.*" Universiti Teknologi Malaysia:Laporan Projek Ijazah Sarjana Muda.
- Mohd Majid Konting (2004). "*Kaedah Penyelidikan Pendidikan.*" Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Mohd Tarmizi Samsi (1995). "*Memupuk Budaya Membaca dan Menyelidik.*" Majalah Dakwah 220: Yayasan Dakwah Islam Malaysia.
- Pekeliling Program Membudayakan al-Quran di Sekolah-Sekolah Menengah Negeri Johor Darul Takzim, (1998), Tidak Diterbitkan
- Prof Madya Dr Hj Nasser Taib (1994) "*Pendidikan Al-Quran Di Negeri Johor Dan Wawasan Masa Hadapannya*"
- Roslin Husin (2000). "*Al-Quran Sumber Pendidikan*". Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers.
- Ruslina Yahya (2002). "*Pelaksanaan Program Membudayakan al-Quran. Satu kajian di SMK Sultanah Engku Tun Aminah (SETA)*" Universiti Teknologi Malaysia:. Laporan Projek Ijazah Sarjana Muda.
- Siti Haryaney Bachok @ Daud (2001). "*Tahap Penguasaan Pembacaan al-Quran Di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Johor Bahru: Satu Tinjauan.*" Universiti Teknologi Malaysia:Laporan Projek Ijazah Sarjana Muda.